

16 MAY 1997

Yong-Maaf (Bergambar)

KETUA MENTERI ARAH PEGUAM KENDALI GESAAAN MINTA MAAF

KOTA KINABALU, 16 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee hari ini berkata beliau telah mengarahkan peguamnya supaya menguruskan permintaan sebuah syarikat balak yang mahukan beliau meminta maaf secara terbuka terhadap tindakan merampas kayu balak oleh jabatan perhutanan negeri awal tahun ini.

Yong bagaimanapun enggan memberikan butiran kandungan surat Syarikat Raspond itu yang berpejabat di Tawau, dengan berkata peguamnya akan menguruskan perkara itu.

Saya telah serahkan surat itu kepada peguam saya sebaik menerimanya daripada syarikat berkenaan, katanya kepada pemberita selepas melancarkan upacara pecah tanah pembinaan blok baru SRJK Chung Hwa yang berharga RM2 juta di sini.

Syarikat Raspond dalam surat-suratnya kepada Yong dan Timbalan Ketua Menteri Datuk Abdul Ghapur Salleh pada Isnin menggesa mereka meminta maaf secara terbuka. Menurut syarikat itu jika mereka tidak menyiarkan permintaan maaf dalam masa 14 hari, ia akan menfailkan saman fitnah terhadap mereka.

Syarikat itu mendakwa bahawa Yong pada 23 dan 30 Jan membuat kenyataan yang berunsur fitnah mengenai rampasan kayu balak pada 18 Jan berhampiran Pulau Sebatik dekat Tawau.

Peguam syarikat itu Sugumar Balakrishnan berkata kenyataan-kenyataan berunsur fitnah itu disiarkan dalam akhbar New Straits Times, The Star, Berita Harian, Utusan Malaysia, Daily Express, Borneo Mail, Borneo Post, beberapa akhbar Cina dan Bernama.

Semasa diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai rasuah, Yong berkata semua menteri kabinet negeri telah mengisytiharkan harta mereka.

"Mereka menyerahkan pengisytiharan mereka kepada Perdana Menteri awal bulan ini," katanya.

Pada Rabu Dr Mahathir berkata tindakan akan diambil terhadap pemimpin kerajaan yang mengamalkan gaya hidup melebihi pendapatan yang telah diisytiharkan semasa mereka dilantik.

Katanya tindakan juga akan diambil jika mereka gagal mengisytiharkan harta sebenar mereka. -- BERNAMA

NT RON